



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*National University
of Malaysia*

KURSUS

STQS1023 PENGENALAN KEPADA DATA DAN KEBARANGKALIAN
SEMESTER 2 2020/2021

TUGASAN TUTORIAL
LAPORAN DATA SEKUNDER

NAMA PENSYARAH
PROF MADYA DR NUR RIZA MOHD SURADI

BIL	NAMA AHLI	NOMBOR MATRIKS
1.	MALIANA AMANI BINTI CHE RAZALI	A182944
2.	MARSHA DANIA BINTI P.V. ANVERSHA	A182895
3.	NURAIN AISYAH BINTI MAZLAN	A181849
4.	RUSNITA ALLYIANA BINTI RUSLAN	A182045
5.	PUAN CHA YING	A181161

Jenis data dipohon: Household Expenditure Survey (HES)

Tahun : 2014

Tajuk : Corak Perbelanjaan Mengikut Kumpulan Isi Rumah Di Seluruh Malaysia.

Objektif :

1. Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah
2. Mengenal pasti perbezaan peratusan perbelanjaan mengikut isi rumah
3. Mengenal pasti jenis-jenis perbelanjaan dan nilai perbelanjaan isi rumah.
4. Untuk menggalakkan perancangan dalam perbelanjaan isi rumah.
5. Mengetahui peratusan kumpulan perbelanjaan mengikut kumpulan isi rumah.

Metodologi

Metodologi kajian adalah satu proses bagi mengkaji sesuatu perkara dan dirungkai bagi melihat hasil serta kebenarannya secara sistematik. Kajian ini menggunakan kaedah dari instrumen bank data Universiti Kebangsaan Malaysia. Malaysia telah dipilih sebagai Kawasan yang dikaji dan kajian adalah tentang perbelanjaan isi rumah. Kajian dilakukan berdasarkan rujukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persampelan, pengukuran dan analisis data. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti corak perbelanjaan mengikut kumpulan isi rumah di seluruh Malaysia.

Abstrak


Tajuk kajian ialah corak perbelanjaan mengikut kumpulan isi rumah di seluruh Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk meninjau dan mengenal pasti perbelanjaan isi rumah.

Objektif kajian ialah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah, perbezaan peratusan perbelanjaan mengikut isi rumah dan jenis-jenis perbelanjaan dan nilai perbelanjaan isi rumah. Selain itu, juga untuk menggalakkan perancangan dalam perbelanjaan isi rumah dan mengetahui peratusan kumpulan perbelanjaan mengikut kumpulan isi rumah.

Dalam kajian ini, kita telah mengenalpasti statistik tentang perbelanjaan beberapa kumpulan isi rumah di Malaysia dan mengetahui kepentingan membuat perancangan sebelum berbelanja.


Hasil Kajian

Objektif 1: Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah



Rajah 1 menunjukkan faktor mempengaruhi perbelanjaan isi rumah. Berdasarkan rajah 1, strata merupakan faktor yang mempengaruhi perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan bagi penduduk di bandar adalah lebih tinggi berbanding penduduk di luar bandar.

Objektif 2: Mengenal pasti perbezaan peratusan perbelanjaan mengikut isi rumah



Rajah 2


PERBELANJAAN T20 : 44.83%
PERBELANJAAN M40 : 58.96%
PERBELANJAAN B40 : 75.01%

Golongan isi rumah di Malaysia terbahagi kepada tiga. Golongan pertama dinamakan golongan T20 iaitu golongan dimana pendapatan mereka melebihi RM 10 960. Golongan kedua adalah golongan M40 dimana pendapatan mereka berada di antara RM 4850 dan RM 10 690. Golongan terakhir adalah golongan B40 dimana pendapatan mereka kurang daripada RM 4850.

Maka, berdasarkan rajah diatas, peratusan perbelanjaan T20 adalah 44.83% daripada keseluruhan pendapatan mereka. Bagi golongan M40, peratusan perbelanjaan adalah 58.96% daripada jumlah pendapatan golongan ini. Akhir sekali, golongan B40 mempunyai peratusan perbelanjaan B40 sebanyak 75.01% daripada jumlah pendapatan mereka.

Objektif 3: Mengenal pasti jenis-jenis perbelanjaan dan nilai perbelanjaan isi rumah.

Komposisi Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan



Rajah 3: Komposisi Perbelanjaan Isi Rumah Bulanan

Petunjuk:

- 01 - Makanan dan minuman bukan servis
- 02 – Minuman alkohol dan tembakau
- 03 – Pakaian dan kasut
- 04 – Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain
- 05 – Hiasan, perkakasan dan penyeleggaraan isi rumah
- 06 – Kesihatan
- 07 – Pengangkutan
- 08 – Komunikasi
- 09 – Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
- 10 – Pendidikan
- 11 – Restoran dan hotel
- 12 – Pelbagai barang dan perkhidmatan

Rajah 1 menunjukkan jenis-jenis dan komposisi bagi perbelanjaan isi rumah bulanan pada tahun 2014. Berdasarkan petunjuk, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain telah menyumbangkan peratusan paling tinggi dalam perbelanjaan isi rumah bulanan. Manakala pendidikan telah menyumbang peratusan paling rendah dalam perbelanjaan isi rumah bulanan.

Objektif 4 :Untuk menggalakkan perancangan dalam perbelanjaan isi rumah.

Carta Pai Jumlah Perbelanjaan dan Pendapatan



Rajah 4

Carta Pai Jumlah Perbelanjaan dan Pendapatan telah menunjukkan perbezaan antara perbelanjaan dan pendapatan isi rumah. Sektor perbelanjaan adalah lebih kecil berbanding dengan sektor pendapatan. Hal ini kerana kebanyakan orang mengimbangi pendapatan dan perbelanjaan dengan baik untuk mencapai keperluan dan kemahuan peribadi. Oleh itu, setiap orang digalakkan untuk membuat perancangan awal dalam perbelanjaan isi rumah.


Objektif 5: Mengetahui peratusan kumpulan perbelanjaan mengikut kumpulan isi rumah.

Kumpulan Isi Rumah	Pendapatan Bulanan (RM)	Frekuensi (n)
B40	< RM4,849	8644
M40	RM4,850 - RM10,959	4778
T20	> RM10,960	1416

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, kumpulan isi rumah B40 mencatatkan frekuensi tertinggi iaitu $n = 8644$, diikuti dengan M40 dengan $n = 4778$ dan akhir sekali kumpulan T20 paling rendah iaitu 1416 rekod sahaja.

Peratusan Kumpulan Perbelanjaan Mengikut Kumpulan Isi Rumah



Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan peratusan kumpulan perbelanjaan mengikut tiga jenis kumpulan isi rumah. Kumpulan M40 (jumlah isi rumah antara RM4,850 sehingga RM10,959) mencatatkan perbelanjaan bulanan tertinggi iaitu sebanyak 40%. Seterunya, kumpulan B40 (jumlah isi rumah kurang daripada RM4,849) merupakan kumpulan kedua tertinggi dengan perbelanjaan sebanyak 38% dalam tempoh sebulan. Akhir sekali, golongan dengan jumlah isi rumah melebihi RM10,960 telah merekodkan perbelanjaan sebanyak 22% sahaja.